



Ruj. kami : ST(IP/JG/P)16/2/3 (53)  
Tarikh : 20 Jun 2017

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
12, Jalan Tun Hussein  
Precinct 2  
62100, Putrajaya  
Malaysia  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Kepada:

Syarikat Pengimport Gegasan Gas/Perkakas Gas/Kelengkapan Gas  
Syarikat Pengilang/Pemasang Gegasan Gas/Perkakas Gas/Kelengkapan Gas  
Orang Kompeten Gas Yang Berdaftar  
Kontraktor Gas Yang Berdaftar

**PEMBERITAHUAN BERKENAAN KELENGKAPAN GAS YANG DIGUNAKAN SEBAGAI  
ALAT TIMBANG DAN SUKAT BAGI TUJUAN PERDAGANGAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua kelengkapan yang digunakan sebagai alat timbang dan sukat bagi tujuan perdagangan hendaklah mendapat Perakuan Kelulusan Timbang/Sukat/Alat Timbang/Alat Sukat yang dikeluarkan oleh *National Metrology Institute of Malaysia* (NMIM) di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.
3. Ini selaras dengan Peraturan 117, Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, yang menyatakan bahawa:

“Tiada gegasan gas, perkakas gas atau kelengkapan boleh dipasang, dikilang, diimport, dijual atau digunakan melainkan jika ia telah diuji dan diperakui dan diluluskan oleh Kerajaan atau ejennya atau mana-mana orang yang ditauliahkan oleh Kerajaan”.

4. Sehubungan dengan itu, laporan serta sijil Perakuan Kelulusan tersebut hendaklah dilampirkan sebagai dokumen sokongan bagi sebarang permohonan Perakuan Kelulusan untuk gegasan gas/perkakas gas/kelengkapan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

(Ir. ROSLEE BIN ESMAN)

Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Pembekalan Gas  
Suruhanjaya Tenaga.